

<p>LEMBARAN PENERANGAN PRODUK</p> <p>(PERINGATAN: Anda diingatkan untuk membaca dan memahami terma dan syarat dalam Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum menandatangani dibawah. Sekiranya anda tidak jelas dengan sebarang terma dan syarat dalam Lembaran Penerangan Produk ini, anda dinasihatkan untuk mendapatkan penjelasan lanjut daripada staf, wakil atau ejen Bank sebelum menandatangani di bawah.)</p>	<p>Affin Bank Berhad 197501003274 (25046-T)</p> <p>Pinjaman Amanah Saham Bumiputera (ASB/ASB2)</p> <p>Tarikh :</p>												
<p>1. Apakah produk ini?</p>													
<p>Pinjaman ASB AFFIN ialah kemudahan pinjaman berjangka yang khusus bagi pembelian unit Amanah Saham Bumiputera (ASB) atau Amanah Saham Bumiputera 2 (ASB2) yang diuruskan oleh Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) melalui pembelian sijil ASB atau ASB2 dimana sijil tersebut akan dicagarkan sebagai jaminan.</p>													
<p>2. Apakah yang saya perolehi dari produk ini?</p>													
<ul style="list-style-type: none"> • Margin Pinjaman : 100% nilai nominal unit ASB/ASB2 105% termasuk Jaminan Pengurangan Amanah Saham Berjangka • Kadar faedah : 													
<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr style="background-color: #0056b3; color: white;"> <th>Peringkat</th> <th>Jumlah Pinjaman</th> <th>Kadar (KAS +)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: center;">1</td> <td style="text-align: center;">RM5,000 sehingga RM49,000</td> <td style="text-align: center;">2.15% (KE = 5.15%)</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">2</td> <td style="text-align: center;">RM50,000 sehingga RM99,000</td> <td style="text-align: center;">2.10% (KE = 5.10%)</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">3</td> <td style="text-align: center;">RM100,000 sehingga RM200,000</td> <td style="text-align: center;">2.00% (KE = 5.00%)</td> </tr> </tbody> </table>		Peringkat	Jumlah Pinjaman	Kadar (KAS +)	1	RM5,000 sehingga RM49,000	2.15% (KE = 5.15%)	2	RM50,000 sehingga RM99,000	2.10% (KE = 5.10%)	3	RM100,000 sehingga RM200,000	2.00% (KE = 5.00%)
Peringkat	Jumlah Pinjaman	Kadar (KAS +)											
1	RM5,000 sehingga RM49,000	2.15% (KE = 5.15%)											
2	RM50,000 sehingga RM99,000	2.10% (KE = 5.10%)											
3	RM100,000 sehingga RM200,000	2.00% (KE = 5.00%)											
<p>Nota:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. KE: Kadar Efektif ii. KAS: Kadar Asas Standard pada 8 Mei 2023: 3.00% iii. Kadar faedah promosi boleh didapati dari semasa ke semasa. Sila hubungi Pegawai Pemasaran di cawangan yang terdekat <ul style="list-style-type: none"> • Tempoh : Minimum – lima (5) tahun Maksimum sehingga empat puluh (40) tahun atau pada umur tujuh puluh (70) tahun, mengikut yang mana terdahulu 													
<p>3. Apakah Kadar Asas Standard (KAS)?</p>													
<p>KAS yang ditawarkan untuk produk ini adalah berdasarkan kadar penanda yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia. Kadar penanda kini ditetapkan kepada Kadar Dasar Semalaman (KDS), yang merupakan pondasi dasar monetari seperti yang diputuskan oleh Jawatankuasa Dasar Monetari Bank Negara Malaysia.</p>													
<p>4. Apakah senario yang mungkin mencetuskan perubahan dalam KAS?</p>													
<p>KAS boleh menaik ataupun menurun akibat daripada perubahan kepada kadar penanda, iaitu perubahan pada Kadar Dasar Semalaman (KDS).</p>													

5. Penanda aras Kos Dana (COF) terdahulu sejak tiga (3) tahun yang lepas

Sila rujuk AffinAlways.com untuk data sejarah terkini.
 (Pergi ke PERIBADI > Pinjaman dan Pembiayaan > Peribadi > Pinjaman Amanah Saham Bumiputera AFFIN (Pinjaman ASB) > Maklumat Penting > Tanda Aras Kos Dana yang digunakan untuk menentukan Kadar Asas Standard)

6. Apakah obligasi saya?

- **Contoh :**
 Jumlah amaun yang dipinjam : RM100,000
 Margin pinjaman : 100%
 Tempoh : 40 tahun
 Kadar faedah : KAS + 2.00% setahun (5.00%)

- **Obligasi :**

Ansuran bulanan : RM482.20

Jumlah amaun yang anda perlu bayar balik pada akhir tempoh 40 tahun ialah RM231,456.00

Penting: Ansuran bulanan dan jumlah amaun bayaran balik anda akan berubah jika Kadar Asas Standard (KAS) berubah.

Contoh seperti yang berikut:

Kadar	Hari ini (KAS = 3.00% setahun)	Jika KAS meningkat 1% setahun	Jika KAS meningkat 2% setahun
Ansuran bulanan	RM482.20	RM550.21	RM621.43
Jumlah kos faedah pada akhir tempoh 40 tahun	RM131,456.00	RM164,100.80	RM198,286.40
Jumlah amaun pembayaran balik pada akhir tempoh 40 tahun	RM231,456.00	RM264,100.80	RM298,286.40

7. Apakah fi dan caj yang perlu saya bayar?

- Fi Sijil ASNB – RM50.00
- Duti Setem – RM10.00
- Fi Sijil ASNB & Duti Setem akan di debit dari akaun pinjaman bersama ansuran bulan pertama peminjam
- Fi dan caj akan dibayar kepada ASNB dan Lembaga Hasil Dalam Negeri
- Seperti yang dinyatakan dalam semua terma dan syarat lain di dalam Borang Pemohonan Pinjaman ASB beserta Surat Tawaran.

8. Apakah yang akan berlaku jika saya gagal menunaikan obligasi saya?

Jika anda menghadapi masalah dalam memenuhi obligasi pinjaman anda, segera hubungi kami untuk membincangkan alternatif pembayaran balik. Kelewatan di pihak anda boleh menyebabkan perkara yang berikut:

- Caj pembayaran lewat sebanyak 1% setahun ke atas amaun tertunggak, mengakibatkan jumlah tertunggak bertambah
- Jika kemudahan anda tertunggak selama dua (2) bulan, Sijil ASB/ASB2 yang dicagarkan akan dilupuskan/dicairkan dengan serta-merta dan hasil yang diperolehi akan digunakan untuk membayar pinjaman.
- Kami berhak menolak baki kredit dalam akaun yang diselia oleh Bank terhadap sebarang baki belum jelas dalam akaun pinjaman ini.
- Tindakan undang-undang akan diambil jika anda gagal menjawab notis peringatan.
- Tindakan undang-undang terhadap anda mungkin menjejaskan penarafan kredit anda.

9. Apakah yang akan berlaku jika saya melangsaikan pinjaman sewaktu tempoh berkunci?

Tiada tempoh berkunci dikenakan sekiranya anda melangsaikan pinjaman sebelum tempoh berkunci.

10. Adakah saya memerlukan apa-apa perlindungan insurans?

Jaminan Pengurangan Amanah Saham Berjangka (ASRTA) tidak diwajibkan tetapi amat digalakkan. ASRTA adalah pelan pengurangan berjangka bulanan. Ia memberi perlindungan sekiranya orang yang diinsuranskan meninggal dunia, di diagnos menghidap penyakit yang boleh membawa maut atau hilang upaya kekal dan menyeluruh. Jika berlaku kejadian demikian, ia akan membayar amaun pinjaman yang belum lunas. Kematian dan didiagnos Menghidap Penyakit Yang Boleh Membawa Maut adalah mengikut jangka pelan perlindungan manakala Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruh adalah mengikut jangka pelan perlindungan atau tujuh puluh (70) tahun yang mana satu lebih awal.

Pinjaman premium ASRTA juga disediakan oleh Bank.

11. Adakah saya memerlukan penjamin atau cagaran?

- Penjamin diperlukan untuk menyokong permohonan pinjaman peminjam di mana kriteria pinjaman peminjam tidak dipenuhi.
- Sijil ASB/ASB2 anda akan digunakan sebagai cagaran.

12. Apakah risiko utama?

Kadar faedah ke atas pinjaman ini adalah terapung dan mengikut Kadar Asas Standard (KAS). Kadar faedah boleh berubah menurut perubahan dalam kadar rujukan. Peningkatan dalam kadar faedah boleh menyebabkan pembayaran balik bulanan yang lebih tinggi.

13. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan pada maklumat peribadi saya?

- Anda perlu memaklumkan kepada kami tentang apa-apa perubahan pada maklumat peribadi anda untuk memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.
- Selaras dengan dasar/garis panduan AFFIN BANK (“pihak Bank”) dan menurut dokumen jaminan standard, apa-apa perubahan pada maklumat hubungan anda hendaklah dimaklumkan secara bertulis dan ditandatangani sewajarnya oleh peminjam dan dialamatkan kepada pihak Bank.

14. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan dan membuat aduan?

- Jika anda menghadapi kesulitan untuk membuat pembayaran balik, anda perlu menghubungi kami seawal mungkin untuk membincangkan alternatif pembayaran balik. Anda boleh menghubungi kami di:

Alamat: AFFIN BANK BERHAD Jabatan Pengurusan Kualiti Aset 401 & 501, Block C, Kelana Business Centre, Jalan SS7/2, 47301 Kelana Jaya, Selangor Darul Ehsan.	Pusat Panggilan Waktu Operasi: 8:45 pg. – 5:45 ptg. (Isnin– Khamis) 8:45 pg. – 4:45 ptg. (Jumaat)	03-8230 2828
	No. Faks	03-7947 5400 03-7947 5540

- Selain itu, anda boleh mendapatkan khidmat Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia bagi menyediakan perkhidmatan percuma tentang pengurusan wang, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penyusunan semula hutang untuk individu. Anda boleh menghubungi AKPK di:

Alamat: Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) Tingkat 5 dan 6, Menara Bumiputra-Commerce, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur	AKPK Infoline	03-2616 7766
	No. Faks	03-2616 7601
	E-mel	enquiry@akpk.org.my
	Waktu Operasi	9:00 pg. – 5:00 ptg. (Isnin – Jumaat)

- Jika anda ingin membuat aduan tentang produk atau perkhidmatan yang kami sediakan, anda boleh menghubungi kami di:

Alamat: Khidmat Pelanggan & Kualiti Aras 19, Menara AFFIN Lingkaran TRX, Tun Razak Exchange, 55188 Kuala Lumpur	Pusat Panggilan Waktu Operasi: 8:00 pg. – 12:00 mlm. (Isnin – Ahad)	03-8230 2222
	Talian Khidmat Pelanggan Waktu Operasi: 8:45 pg. – 5:45 ptg. (Isnin – Khamis) 8:45 pg. – 4:45 ptg. (Jumaat)	1-800-88-3883
	No. Faks	03-2026 1104
	E-mel	yourvoice@affingroup.com
	Laman Web	https://www.affingroup.com https://AffinAlways.com

- Jika pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan dengan sewajarnya oleh kami, anda boleh menghubungi LINK atau TELELINK Bank Negara Malaysia di:

Alamat : BNMLINK (Laman Informasi Nasihat dan Khidmat) Bank Negara Malaysia Blok D, Jalan Dato' Onn 50480 Kuala Lumpur	No. Telefon Waktu Operasi: 9:00 pg. – 5:00 ptg. (Isnin – Jumaat)	1-300-88-5465 (1-300-88-LINK) +603-2174 1717 (luar negara)
	No. Faks	03-2174 1515
	E-mel	bnmtelelink@bnm.gov.my
	Borang Web eLINK	https://telelink.bnm.gov.my

15. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut berhubung Pinjaman ASB?

Sila hubungi kami di cawangan kami yang berhampiran dengan anda atau telefon Pusat Panggilan kami di talian 03-82302222 atau layari laman web kami AffinAlways.com untuk maklumat lanjut.

NOTA PENTING: TINDAKAN UNDANG-UNDANG MUNGKIN AKAN DIKENAKAN TERHADAP ANDA SEKIRANYA ANDA GAGAL MEMBUAT PEMBAYARAN KE ATAS AKAUN PINJAMAN ANDA.

Maklumat yang diberikan di dalam lembaran maklumat ini sah pada 8 Mei 2023

PENGAKUAN

Saya/Kami dengan ini mengakui bahawa terma utama lembaran penerangan produk ini, khususnya, terma yang memberi kesan kepada kewajipan saya/kami, telah dijelaskan dengan secukupnya kepada saya/kami oleh kakitangan, wakil atau ejen Bank.

Tandatangan : _____

Nama : _____

No. K/P : _____

Tarikh : _____